INSTITUT KAJIAN DASAR
Institute for Policy Research

GERAK

# PERSIDANGAN UNIVERSITI DAN TRADISI INTELEKTUAL

*Anjuran:*
*Institut Kajian Dasar (IKD)*
*dan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia*
*(GERAK)*

Bertempat:
Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya,
Selangor

Pada:
24 - 25 September 1996

# ATURCARA
# MAJLIS PERASMIAN

*8.00 - 8.45 pagi*
Ketibaan Para Jemputan dan Pendaftaran Peserta

*8.50 pagi*
Ketibaan Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim
*Timbalan Perdana Menteri Malaysia*

*9.00 pagi*
Ucapan Alu-aluan
YBhg. Dr. Wan Abdul Manan Bin Wan Muda
*Pengerusi*
*Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK)*

*9.10 pagi*
Ucapan Alu-aluan
YBhg. Dato' Kamarudin Jaffar
*Pengerusi*
*Institut Kajian Dasar (IKD)*

*9.20 pagi*
Ucapan Perasmian
Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim
*Timbalan Perdana Menteri Malaysia*

*10.15 pagi*
Minuman Ringan

*10.45 - 11.30 pagi*
Ucapan Utama
YBhg. Dr. Renato Constantino
*(Filipina)*

INSTITUT KAJIAN DASAR

Institute for Policy Research

# Kata-kata Aluan

Institusi Pengajian Tinggi mestilah berupaya melahir dan mempertahankan tradisi intelektual bagi sesebuah masyarakat tanpa ada sekatan dan tekanan daripada mana-mana pihak. Dalam suasana begini, para sarjana bebas berbahas dan bertukar fikiran sehingga mereka menemui sesuatu yang berfaedah bagi masyarakat. Hal ini telahpun berlaku dalam sejarah pelbagai tamadun.

Tetapi hari ini, tradisi tersebut agak sukar dipertahankan lagi. Institusi pengajian tinggi, sebagai pengkalan utama untuk membina tahap pemikiran, jiwa dan budaya bangsa menghadapi pelbagai halangan terutamanya halangan berbentuk ekonomi serta cabaran memenuhi keperluan industri. Oleh itu institusi pengajian tinggi terpaksa membuat pelbagai penyesuaian sehingga misi utamanya untuk melahirkan ***universal man*** itu terpaksa dikompromi. Akibat daripada tradisi intelektual yang merosot ialah kedangkalan pemikiran sehingga masyarakat hilang *sense of priority* dan menimbulkan pelbagai krisis.

Dalam usaha mencapai status negara maju, aspek yang mesti diberi perhatian juga selain pembangunan fizikal dan pertumbuhan ekonomi ialah perkembangan tradisi intelektualnya. Hanya kemantapan tradisi intelektuallah yang berupaya memberikan pengarahan dan mempertahankan jatidiri masyarakat meskipun kita tidak menolak peranan institusi pengajian tinggi dalam menyediakan tenaga mahir untuk pembangunan negara.

Persidangan "Universiti dan Tradisi Intelektual" anjuran Institut Kajian Dasar dan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia diharap dapat membahaskan isu ini dengan panjang lebar untuk memberikan input bagi halatuju institusi pengajian tinggi terutamanya di waktu masyarakat kita melalui transformasi yang begitu pesat.

**Dato' Kamarudin Jaffar**

*Pengerusi*

*Institut Kajian Dasar*

*(IKD)*

# Kata-kata Aluan

Persoalan tentang universiti dan tradisi intelektual menjadi bertambah relevan pada masa kini memandangkan universiti sedang berhadapan dengan berbagai hambatan baru dan golongan intelektual pula semakin terpinggir dalam kederasan arus ekonomi dan teknologi. Universiti pada hari ini dan hari esok harus mampu bertahan sebagai institusi sosial yang berwibawa, yang mencetus pembaharuan di bidang keilmuan serta mampu manjadi peneroka dalam mengimbangi keghairahan modeniti dan pemantapan nilai-nilai kemanusiaan.

Golongan intelektual juga harus peka terhadap berbagai perubahan baru dan kebobrokan dalam masyarakat, justeru tugas seseorang intelektual itu adalah untuk menegakkan kebenaran dan mendedahkan kepalsuan. Suasana harmoni dan demokrasi yang kita nikmati sekarang perlulah kita manfaatkan kearah memperkukuhkan polisi sosial dan melebarluaskan lagi kebebasan dan kedamaian.

Kami kira inilah masa yang paling baik dalam kurun ini bagi Malaysia dan Asia Tenggara untuk tampil sebagai penggerak utama mendokong perubahan bukan sahaja di bidang ekonomi tetapi juga di bidang pendidikan dan budaya. GERAK merasa bangga kerana dapat memberi sumbangan yang kecil sebagai penganjur persidangan bersama-sama IKD dalam usaha membangkitkan cita-cita yang lebih besar dan sejagat sifatnya.

**Dr. Wan Abdul Manan Wan Muda**
*Pengerusi*
*Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia*
*(GERAK)*

# PENGHARGAAN

Institut Kajian Dasar dan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK) merakamkan setinggi perhargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan persidangan ini, istimewanya kepada:

Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim
*Timbalan Perdana Menteri Malaysia*

Encik Hassan Harun
*Pengerusi Koperasi Usaha Bersatu (KUB)*

Pengucap Utama dan Pembentang-pembentang kertas/
Ahli-ahli panel Forum

Pengerusi-pengerusi Sesi

Peserta-peserta Seminar

Pihak-pihak Media Massa

Pengurus dan Kakitangan Hotel Crystal Crown

dan semua pihak yang terlibat
secara langsung atau tidak langsung dalam
menjayakan seminar ini.

# INSTITUT KAJIAN DASAR

Institut Kajian Dasar telah ditubuhkan pada bulan Disember 1985 untuk memenuhi tujuan tersebut:-

* Menjalankan penyelidikan yang sistematik berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia dengan penekanan khusus terhadap pembangunan insan sebagai prasyarat kepada aspek-aspek pembangunan yang lain.

* Membuat kajian tentang hubungkait nilai-nilai kerohanian, moral dan etika yang terangkum dalam mana-mana sistem kepercayaan dengan penggubalan dasar dan matlamat yang strategik.

* Berperanan sebagi forum bagi para sarjana, pembuat dasar dan pihak-pihak lain yang berminat untuk berinteraksi, berbincang dan merumuskan gagasan untuk pembangunan positif dan menjalankan program penerbitan (buku, monograf, jurnal dan buletin) yang boleh mencetuskan pemikiran yang kreatif, kritikal dan menjadi pedoman dalam isu-isu penting seperti sosio-ekonomi, politik dan kebudayaan.

* Mengendali dan menganjurkan persidangan, seminar, diskusi kumpulan dan syarahan umun bagi manfaat golongan profesional, pentadbir, para aktivis sosial, belia dan pelajar serta masyarakat awam untuk menanamkan kesedaran, tanggungjawab dan kebertanggungjawapan ke arah pembangunan holistik bagi negara kita.

# PERGERAKAN TENAGA AKADEMIK MALAYSIA (GERAK)

Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK), dalam bahasa Inggerisnya, Malaysian Academic Movement (MOVE), ialah sebuah pertubuhan bagi kalangan akademik, (termasuk bekas akademik), penyelidik, karyawan dan kakitangan akademik kunjungan di seluruh Malaysia.

Tujuan-tujuan GERAK meliputi:-

1. Melaksanakan apa-apa yang perlu untuk menggalakkan kepentingan ahli-ahli akademik, dan persatuan-persatuan akademik serta memupuk perpaduan di kalangan tenaga akademik di seluruh negara.

2. Melindungi hak-hak dan kepentingan ahli-ahli pertubuhan ini.

3. Memperjuangkan kebebasan akademik dan autonomi institusi pengajian tinggi.

4. Memupuk suasana yang boleh menggalakkan kecemerlangan akademik.

5. Memupuk kerjasama di kalangan tenaga akademik di dalam dan di luar negeri.

# ATURCARA PERSIDANGAN

**24 September 1996 (Selasa)**

| | | |
|---|---|---|
| 8.00 - 9.00 pagi | - | Ketibaan dan Pendaftaran Peserta |
| 9.00 - 10.15 pagi | - | Majlis Perasmian<br>oleh Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim<br>*Timbalan Perdana Menteri Malaysia* |
| 10.15 - 10.45 pagi | - | Minuman Ringan |
| 10.45 - 11.30 pagi | - | <u>Sesi I</u><br>**Tajuk : Globalization and The Intellectual Tradition**<br>*Pembentang : Dr. Renato Constantino*<br>*Pengerusi : Dr. Johan Saravanamuttu Abdullah* |
| 11.30 - 1.30 tgh | - | <u>Sesi II</u><br>**Tajuk : Tradisi Intelektual dan Kebangkitan Semula Asia**<br>*Pembentang : A. Rahman Embong*<br>*: Dr. Wazir J. Karim*<br>*: Dr. Arief Budiman*<br>*: Dr. Syed Hussein Alatas*<br>*Pengerusi : Kamarudin Jaffar* |
| 1.30 - 2.30 ptg | - | Makan Tengahari/Rehat |
| 2.30 - 4.30 ptg | - | <u>Sesi III</u><br>**Tajuk : Tradisi Intelektual di Malaysia**<br>*Pembentang : Muhammad Abu Bakar*<br>*: Noraini Osman*<br>*: Rustam A. Sani*<br>*Pengerusi : Dr. Haris Md. Jadi* |
| 4.30 - 5.00 ptg | - | Minuman Ringan |

**25 September 1996 (Rabu)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8.30 - 10.30 pagi | - | Sesi IV<br>**Tajuk** : | **Universiti: Antara Pendemokrasian dan Kecemerlangan** |
| | | *Pembentang* : | *Dr. Ahmat Adam* |
| | | : | *Dr. Wan Abdul Manan Bin Wan Muda* |
| | | : | *Dr. Shamsul Amri Baharudin* |
| | | *Pengerusi* : | *Dr. Muhammad Hj. Salleh* |
| 10.30 - 10.45 pagi | - | Minuman Ringan | |
| 10.45 - 12.45 pagi | - | Sesi V<br>Forum -<br>**Tajuk** : | **Cabaran-cabaran Semasa di Institusi Pengajian Tinggi** |
| | | *Pembentang* : | *Dr. Zainal Kling* |
| | | : | *Khoo Kay Jin* |
| | | : | *Kumar Menon* |
| | | : | *Dr. Md. Salleh Yaapar* |
| | | *Pengerusi* : | *Dr. Azizan Bahari* |
| 12.45 - 1.15 ptg | - | Rumusan & Penutup | |
| | | : | *Dr. Azizan Bahari* |
| | | : | *Dr. Haris Md. Jadi* |
| 1.15 ptg | - | Makan Tengahari / Bersurai | |

# JAWATANKUASA PERSIDANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Penaung | : | Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim<br>*Timbalan Perdana Menteri Malaysia* |
| Penasihat | : | Dato' Kamarudin Jaffar<br>*Pengerusi*<br>*Institut Kajian Dasar (IKD)* |
| Pengerusi Bersama | : | Dr. Azizan Bahari<br>*Pengarah Eksekutif*<br>*Institut Kajian Dasar (IKD)* |
| | : | Dr. Wan Abdul Manan Wan Muda<br>*Pengerusi*<br>*Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK)* |
| Penyelaras | : | Puan Maimunah Abdul Ghani |
| Ahli Jawatankuasa | : | Dr. Johan Saravanamuttu Abdullah |
| | : | Dr. Haris Md. Jadi |
| | : | Pn Anisah Anuar |
| | : | Pn. Rodziyah Mohamed |
| | : | Sdr. Rozaiman Abdul Hamid |
| | : | Sdr. Zulkiflee Mohd Salleh |
| | : | Sdr. Rezman Abdul Hamid |
| | : | Sdr. Shaharudin Senin |
| | : | Sdr. Imran Yaakob |
| | : | Sdri. Sapura Hasan |
| | : | Sdri. Norlelawati Abu Samah |
| | : | Sdri. Zara Zahari |
| | : | Sdri. Noor Aini Ngateman |
| | : | Sdr. Nazri Abd. Rahman |
| | : | Sdr. Mohd Syarol Syamsol |
| | : | Sdri. Rusnani Abd. Razak |
| | : | Sdri. Jasmarina Jaafar |

# PENGHARGAAN

Institut Kajian Dasar dan Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK) merakamkan setinggi perhargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan persidangan ini, istimewanya kepada:

Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim
*Timbalan Perdana Menteri Malaysia*

Encik Hassan Harun
*Pengerusi Koperasi Usaha Bersatu (KUB)*

Pengucap Utama dan Pembentang-pembentang kertas/
Ahli-ahli panel Forum

Pengerusi-pengerusi Sesi

Peserta-peserta Seminar

Pihak-pihak Media Massa

Pengurus dan Kakitangan Hotel Crystal Crown

dan semua pihak yang terlibat
secara langsung atau tidak langsung dalam
menjayakan seminar ini.